

28 JUL 1998

Annuar - Birokrasi

PROSEDUR PELAKSANAAN PROJEK LUAR BANDAR DI ROMBAK

KUALA NERANG, 28 Julai (Bernama) -- Prosedur pelaksanaan projek-projek kecil dan besar di bawah Kementerian Pembangunan Luar Bandar akan dirombak bagi mengurangkan karenah birokrasi.

Sehubungan dengan itu, para pegawai berkaitan di kementerian itu dan agensinya diarah bekerja lebih masa selama tiga hari - Isnin, Selasa dan Rabu - selama sebulan mulai bulan depan bagi mempercepatkan kelulusan dan perlaksanaan projek.

Menteri Pembangunan Luar Bandar Datuk Annuar Musa berkata sebagai ukuran mengenai kelembapan pelaksanaan projek itu, hanya 25 peratus daripada lebih RM500 juta yang diperuntukkan untuk projek luar bandar pada tahun ini telah digunakan.

"Ini bermakna masih banyak projek yang masih tersangkut di pelbagai peringkat birokrasi mengikut kaedah sekarang," katanya kepada pemberita selepas mengadakan pertemuan dengan Anggota Jawatankuasa Keselamatan dan Kemajuan Kampung di Kampung Tandop Besar, di sini, hari ini.

Beliau berkata dalam mesyuarat kabinet dua minggu lepas, Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad yang tidak berpuashati dengan perlaksanaan projek di luar bandar yang amat lembap, telah mengarahkan prosedur yang diamalkan sekarang dikaji semula.

Kabinet berpendapat kaedah yang digunakan sekarang sangat tidak sesuai dan terlalu birokratik, katanya.

"Bukan sahaja projek yang besar tidak berjalan lancar malahan projek kecil seperti membina surau, titi dan jalan kampung juga terlalu lembap. Ada projek kecil yang diluluskan bulan Februari lepas belum dilaksanakan sehingga sekarang," katanya.

Annuar berkata kementerian telah meneliti arahan kabinet itu dan dua prosedur yang ada sekarang - birokrasi dan aspek kewangan - akan dirombak dan satu pendekatan baru yang lebih baik akan dilaksanakan.

Dari segi birokrasi kaedah kelulusan projek yang perlu melalui banyak peringkat akan dikurangkan dengan memberi kuasa kepada wakil rakyat dan Jawatankuasa Kemajuan dan Keselamatan Kampung melaksanakan projek yang tidak melebihi RM20,000 secara gotong royong.

"Dengan kaedah itu dan beberapa lagi cara baru, projek dapat disiapkan dengan cepat dan menjimatkan kos," katanya.

-- BERNAMA

MZM WAT